



MALAYSIA BAKAL JADI HAB GULA

» *MSM, AKI bina kilang canggih jadi pembekal utama di Asia Pasifik*

Oleh Shahrizan Salian

Malaysia bakal muncul sebagai hab pengeluaran gula Asia Pasifik susulan cadangan pembinaan sebuah kilang penapisan gula serba canggih yang lengkap dengan kompleks logistik serta terminal kapal di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.

Kilang dengan kapasiti pengeluaran dua juta tan gula setahun itu dibangunkan secara usaha sama antara MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Al-Khaleej International Ltd (AKI), membatik pelaburan lebih RM800 juta.

MSM yang juga unit perniagaan gula FelDa Global Ventures Holdings Bhd (FGV) semalam memeterai memorandum persefa-

haman (MoU) bersama AKI yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk bekerjasama membangunkan kilang terbabit.

MSM kuasai 51 peratus saham

Pelaburan bersama itu dianggarkan bernilai antara AS\$250 juta (RM812 juta) hingga AS\$270 juta (RM875 juta) yang akan digunakan untuk kos membeli tanah serta membina kemudahan berkaitan.

Usaha sama itu menyaksikan MSM menguasai 51 peratus pegangan saham, manakala bakinya oleh AKI dan kedua-dua entiti akan memanfaatkan daya saing teras masing-masing bagi membentuk kedudukan lebih kukuh di rantau Asia Pasifik. **o Bisnes B2**

Sasar kapasiti keluaran gula 3.2 juta tan

● Dari muka B1

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Dr Sheikh Awab Abod, berkata apabila kilang penapisan baharu itu siap pada 2016, kapasiti pengeluaran gula kumpulan akan meningkat kepada 3.25 juta tan setahun berbanding 1.25 juta tan sekarang.

"Aspirasi syarikat ialah menjadi pembekal utama pasaran gula di rantau ini. Kami mahu Malaysia menjadi hab pengeluaran gula Asia Pasifik dalam tempoh dua tahun," katanya selepas majlis memeterai MoU di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanjian bagi pihak MSM manakala AKI diwakili Pengarahnya, Hassa Al Ghurair.

Majlis disaksikan Duta UAE ke Malaysia, Abdulla Matar Al Mazrouei; Pengerusi Kumpulan FGV merangkap Pengerusi MSM, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV merangkap Pengarah MSM, Mohd Emir Mavani Abdullah dan Pengarah Urusan AKI, Jamal Majid Al-Ghurair.

Perjanjian dijangka dimuktamadkan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Sheikh Awab berkata, MSM akan memanfaatkan teknologi dimiliki oleh AKI untuk mengeluarkan gula dalam kuantiti yang besar pada kos lebih rendah.

"Usaha sama ini akan menyaksikan MSM menjadi lebih berdaya saing dari segi harga gula dengan mengurangkan kos pengeluaran antara 35 hingga 38 peratus," katanya.

AKI, menerusi anak syarikat Al Khaleej Sugar (AKS) ialah penapis gula tunggal terbesar dunia dengan kapasiti pengeluaran tahunan sehingga 2.3 juta tan dan pendapatan tahunan bernilai AS\$1 bilion (RM3.25 bilion).

● RM812 JUTA
jumlah pelaburan untuk kos beli tanah, bina kilang

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Dr Sheikh Awab Abod (kiri) dan Pengarah AKI, Hassa Al Ghurair **memeterai MoU** sambil diperhatikan Pengerusi Kumpulan FGV merangkap Pengerusi MSM, Tan Sri Isa Samad (dua dari kiri) dan Duta UAE ke Malaysia, Abdulla Matar Al Mazrouei di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/ BH]